

12 MAY 1998

Zaharah-Borang

BORANG ASNITA HAMPIR KEHABISAN DI SELURUH NEGARA

MELAKA, 12 Mei (Bernama) -- Kira-kira 300,000 borang pelaburan Amanah Saham Wanita (ASNITA) telah diedarkan ke seluruh negara dalam tempoh seminggu selepas pelancarannya, kata Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

"Kita hampir kehabisan borang dan cetakan tambahan telah dibuat supaya ia dapat diedarkan semula ke seluruh negara terutama di cawangan-cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN),"

Semasa bercakap kepada pemberita selepas pelancaran ASNITA peringkat negeri oleh Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin di sini, hari ini, Dr Siti Zaharah berkata "sambutan dan semangat" daripada mereka yang berminat melabur sangat menggalakkan.

ASNITA dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Mei lalu.

"Berdasarkan anggaran konservatif, kita yakin 60 peratus daripada RM200 juta unit saham berharga 50 sen seunit itu akan dapat dijual dalam tempoh sasaran," katanya.

"Apa yang membanggakan ialah sambutan daripada pelabur perseorangan terutama masyarakat luar bandar...kita dapati purata nilai pelaburan daripada mereka ialah RM1,000,"

Beliau berkata anggaran 60 peratus itu belum termasuk pelaburan daripada sektor korporat dan yayasan.

Mengenai jumlah pelaburan yang telah diterima, Dr Siti Zaharah berkata pengumpulan pelaburan daripada cawangan-cawangan BSN masih dibuat oleh pengurus amanah itu, Hijrah Unit Trust Management Bhd.

Beliau berkata perkembangan ASNITA yang menggalakkan bukan sahaja akan mencapai tujuannya bagi mengembeling dana kaum wanita membantu memulihkan ekonomi negara tetapi sebagai satu suntikan keyakinan kepada pasaran saham negara.

Khidmat Habib Jewels kepada orang ramai yang menggunakan barang kemas mereka untuk membeli saham ASNITA juga mendapat sambutan yang menggalakkan dan kaedah itu telah diambil kesempatan oleh kebanyakan pelabur.

Sementara itu, Abu Zahar berkata orang ramai harus menganggap ASNITA sebagai satu pelaburan dan tabungan jangka panjang bagi seisi keluarga.

Katanya, harga yang ditawarkan sekarang adalah rendah dan sangat kompetitif.

Isteri Abu Zahar, Datin Seri Khatijah Mohd Jidi turut membuka akaun pelaburan ASNITA sempena pelancaran itu. -- BERNAMA

MOZ PR